

Memahami Pengistilahan, Konsep, Ruang Lingkup, dan Teori dalam Historiografi Maritim

ABSTRACT

Laut dan lautan merupakan satu tempat yang mempunyai kelebihan tersendiri bagi menyatukan perhubungan di antara negara, membentuk semangat untuk saling memahami, dan bersatu-padu, serta menjana kekayaan. Dalam pensejarahan awal maritim dunia telah memperlihatkan bahawa para pelaut kuno, dengan hanya berbekalkan kearifan lokal yang terhad terhadap alam kelautan, berhasil menakluki laut dan lautan utama dunia, sehingga telah berjaya membangunkan sebuah peradaban, sepertimana yang kita warisi pada masa kini. Perubahan ilmu pengetahuan dan teknologi pada masa kini telah memperlihatkan kewujudan pelbagai bidang, disiplin, dan aliran baharu dalam ilmu kelautan, yang kini lebih dikenali sebagai "oceanografi". Penelitian ini – dengan mengguna-pakai pendekatan kualitatif, kaedah sejarah, dan sorotan literatur – memaparkan pelbagai pengistilahan, konsep, ruang lingkup, dan teori dalam historiografi maritim; dan sejauhmana pensejarahan maritim ini masih lagi relevan untuk terus dikaji, serta diangkat sebagai suatu bidang dan disiplin ilmu dalam ilmu kelautan dalam mendepani perubahan dan perkembangan terkini dalam membicarakan agenda kelautan sesebuah negara-bangsa di peringkat nasional, regional, dan global.